

**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI**

SIARAN MEDIA

MyCC MEMPENGERUSI JAWATANKUASA KHAS BERKAITAN PERSAINGAN

KUALA LUMPUR, 27 November 2015 – Jawatankuasa Khas berkaitan Persaingan yang dipengerusikan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), baru-baru ini telah diadakan bagi membincangkan pelbagai isu persaingan merentasi pengawal-pengawal selia sektor yang lain. Antara isu yang dibincangkan ialah hal-hal berkaitan persaingan dalam sektor-sektor telekomunikasi, pengangkutan awam darat, kewangan dan tenaga.

Jawatankuasa Khas berkaitan Persaingan telah dibentuk pada tahun 2011 pada dasarnya untuk berkongsi isu-isu lazim undang-undang dan polisi persaingan serta untuk memastikan bahawa terdapat konsistensi dalam penggunaan undang-undang tersebut. Jawatankuasa Khas Persaingan terdiri daripada pengawal-pengawal selia sektorial, iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Tenaga (ST), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC). Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh MyCC.

Semasa mesyuarat, wakil SPAD menyatakan pelan transformasi yang sedang dijalankan bagi meningkatkan eko-sistem pengangkutan awam darat. Pihak SPAD akan mencari jalan penyelesaian bagi menyelesaikan isu-isu berkenaan melalui pindaan undang-undang yang sewajarnya.

Antara isu lain yang dibincangkan semasa mesyuarat tersebut merangkumi penerangan ringkas oleh BNM mengenai pelan cadangan secara berperingkat berkaitan “Motor and Fire Insurance Tariff”.

Dalam pada masa yang sama, SKMM juga berkongsi usaha untuk terus menyelesaikan aduan-aduan pengguna terutamanya dengan meningkatkan usaha-usaha advokasi dalam sektor telekomunikasi. Pengerusi MyCC juga menekankan



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI**

bahawa aduan-aduan telah diarahkan oleh MyCC kepada SKMM, dengan harapan, SKMM dapat mengambil tindakan yang sewajarnya dalam mengemukakan aduan-aduan tersebut.

Suruhanjaya Tenaga (ST) juga berkongsi tentang pindaan Akta Bekalan Elektrik 2015 (Pindaan) yang diluluskan oleh Parlimen pada Julai 2015 dan juga cadangan pindaan bagi Akta Bekalan Gas 1993.

“Pindaan kepada undang-undang yang bercanggah dengan Akta Persaingan 2010 diperlukan untuk memastikan penggunaan undang-undang persaingan di negara ini berkesan dan konsisten” kata pengerusi MyCC, Tan Sri Dato’ Seri Siti Norma Yaakob.

Tan Sri Dato’ Seri Siti Norma Yaakob, juga menekankan bahawa perlunya pengawal-pengawal selia sektor untuk menggalakkan pematuhan undang-undang dan polisi persaingan yang lebih baik dalam sektor-sektor berkaitan.

MyCC diwakili oleh Pengerusi dan Anggota-anggota Suruhanjaya MyCC, Prof. Dato’ Dr. Sothi Rachagan, Dato’ Dr Gan Khuan Poh dan Dr. Zakariah Abdul Rashid.

---tamat---

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noor Hasnizan Hassan, Tel +603 2273 2277 (samb 111), Emel: izan@mycc.gov.my

Wan Nurhafizah, Tel +603 2273 2277 (samb 217), Emel: nurhafizah@mycc.gov.my

Unit Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI**

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penaltipenalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my.